

# PELUANG KERJAYA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

F.I.T Center Sdn. Bhd. atau Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (No. Pendaftaran Syarikat 288508-T) merupakan sebuah syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). MARA mempelawa calon yang berkelayakan untuk memohon jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.



## KELAYAKAN DAN PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia;
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dari institusi yang diiktiraf. Keutamaan kepada calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Pemasaran, Kewangan dan Perakaunan;
- Memiliki sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan korporat dan pentadbiran syarikat. Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengetahuan / pengalaman dalam pengeluaran, reka bentuk dan pasaran industri perabot;
- Berumur tidak melebihi 58 tahun pada tarikh tutup iklan.

## SKIM JAWATAN

- Status jawatan : Lantikan kontrak
- Skim gaji : Gaji & elaun
- Syarat pelantikan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah

## DESKRIPSI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Merancang, mengurus, memantau dan mengawal operasi, kewangan dan tadbir urus syarikat;
- Membina jalinan perhubungan dengan pelbagai pihak yang berpotensi untuk memperkasa industri dan usahawan perabot;
- Menyedia dan membentangkan laporan prestasi dan kewangan syarikat kepada Lembaga Pengarah dan Majlis Amanah Rakyat.

## KRITERIA DAN PERSONALITI

- Berorientasikan hasil keputusan;
- Proaktif dan inovatif;
- Kemahiran *interpersonal* dan kemahiran komunikasi yang baik;
- Mempunyai rangkaian perniagaan yang baik;
- Kepimpinan dan nilai pengurusan yang dinamik;
- Prinsip integriti yang tinggi;
- Daya pemikiran keusahawanan yang strategik.

## CARA MEMOHON

Sila e-melkan *resume* / CV yang lengkap berserta nombor telefon, gambar berukuran pasport dan gaji dimohon ke alamat emel di bawah. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga.

KETUA PEGAWAI KEWANGAN  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
F.I.T Center Sdn. Bhd.  
Off KM 13, Jalan Batu Caves  
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur

E-mail: [jawatankosong@fitec.com.my](mailto:jawatankosong@fitec.com.my)

TARIKH TUTUP  
PERMOHONAN  
15 FEBRUARI 2022

